



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

RUKUN NEGARA ASAS PENYATUAN BANGSA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 13 Ogos 2023 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hari ini telah **merasmikan Peluncuran Eksplorasi Rukun Negara** di MyTOWN Shopping Centre. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri, Kementerian Perpaduan Negara telah merangka program di bawah *Flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI dalam kluster Semarak Kenegaraan iaitu Eksplorasi Rukun Negara. Inisiatif ini merupakan usaha untuk memperkasakan pembudayaan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian masyarakat dan akan dilaksanakan di semua peringkat.

Pelaksanaan program ini juga merupakan susulan daripada persetujuan Kerajaan ke atas cadangan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) agar sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah dan diikuti dengan lima (5) prinsip Rukun Negara dalam program-program rasmi Kerajaan termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah.

Antara objektif pelaksanaan program ini adalah:-

- i. Meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai agen penyatupaduan rakyat Malaysia;
- ii. Menyemai taat setia dan rasa cintakan negara melalui pemahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan;
- iii. Menyemarakkan agenda perpaduan terutama untuk membangkitkan sifat patriotisme sebagai medium yang mencambah nilai kasih sayang, saling hormat menghormati dan kebersamaan antara masyarakat; dan
- iv. Menyediakan ruang, peluang dan suasana kepada rakyat Malaysia yang merupakan katalis perpaduan untuk berinteraksi dalam program dan aktiviti yang dianjurkan.

Rukun Negara adalah **asas penyatuan bangsa Malaysia** yang harus menjadi **pegangan, panduan serta amalan** oleh seluruh rakyat Malaysia ke arah **pemupukan dan pengukuhan semangat perpaduan, ketaatan dan kecintaan kepada bangsa dan negara**. Pernyataan Rukun Negara menggariskan cita-cita dan lima (5) prinsip sebagai pegangan dan panduan dalam membentuk asas perpaduan dan identiti negara Malaysia ke arah merealisasikan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara yang makmur dan stabil.

Rukun Negara menggariskan **hasrat dan kesungguhan negara untuk mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat** iaitu memelihara satu cara hidup demokratik, mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama, membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak dan membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan semasa program ini berlangsung iaitu:-

- i. Dialog Anak Muda;
- ii. Kisah Wajah-wajah Malaysia;
- iii. Perpaduan *Got Talent*;
- iv. Muzikal Eksplorasi Rukun Negara;
- v. Kapsul Suara Anak Malaysia;
- vi. Pameran Mini Rukun Negara;
- vii. Pameran Khas Koleksi Rukun Negara;
- viii. Pameran Agensi Kerajaan;
- ix. Kempen Budi Bahasa #cakapbaikbaik; dan
- x. Aktiviti Interaktif Bersama Kelab Rukun Negara, Sekreteriat Rukun Negara, Rakan Muda dan Kadet Remaja Sekolah.

Program-program menarik yang disusun ini **melibatkan penyertaan daripada pelbagai golongan masyarakat** termasuk kanak-kanak, pelajar sekolah, pelajar institusi pendidikan tinggi, belia, pemimpin komuniti, masyarakat umum dan orang awam. Selain itu, program ini turut melibatkan kerjasama dari pelbagai pihak seperti agensi Kerajaan dan swasta, persatuan-persatuan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Empat (4) nilai teras yang diberikan penekanan untuk disemai dan dicapai menerusi pengisian aktiviti yang dirangka dalam Eksplorasi Rukun Negara adalah:-

- i. Patriotisme dan kenegaraan: membangkitkan semangat cintakan negara dan sifat kebersamaan yang tinggi dalam mempertahankan bumi malaysia yang dicintai;
- ii. Inovasi dan teknologi digital: mengaplikasikan teknologi digital dan budaya inovasi sebagai elemen utama dalam pelaksanaan aktiviti;
- iii. Kesukarelawanan: menerapkan semangat kesukarelawanan yang tinggi bagi mendukung sifat saling bantu membantu serta ketinggian pekerti dan budi bahasa; dan
- iv. Kepimpinan dan jati diri: menyemai sifat kepimpinan yang holistik, jati diri, daya saing serta daya tahan yang membolehkan pembentukan bangsa Malaysia yang hebat.

YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa untuk memastikan perpaduan terus dikecapi, **generasi kini seharusnya peka dengan Rukun Negara dan menghayati erti sebenar kewujudan Rukun Negara**. Ini kerana Rukun Negara bukan hanya untuk dihafal atau diikrarkan tetapi ia perlu diterapkan dalam kehidupan seharian. “Ikatan persefahaman antara pelbagai kaum di negara ini menjadi tugu penggerak negara yang penting. Ikatan ini bukan terbina hanya sekelip mata tetapi ianya memakan masa yang begitu lama”, ujar YB Datuk Aaron.

Kementerian Perpaduan Negara

13 Ogos 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my
No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 (32)